

**NO SOALAN : 24**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN ABD  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 5.11.2015  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilakah Akta Veteran (Akta 740) akan dikuatkuasakan dan apakah implikasinya kepada Persatuan-persatuan Veteran yang sedia wujud khususnya yang berkaitan kepada Klausula 17 akta berkenaan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Akta 740 adalah bertujuan mentertibkan dan menggariskan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Veteran ATM dan telah mendapat persetujuan serta kelulusan Jemaah Menteri. Akta 740 ini telah mendapat Perkenan Diraja pada 30 Januari 2012 dan penyiaran Warta pada 9 Februari 2012. Tarikh kuat kuasa Akta 740 ialah pada 31 Julai 2015. Pelaksanaan akan dilakukan apabila Peraturan-Peraturan semasa diluluskan dan dijangka pada Januari 2016 akan berkuat kuasa sepenuhnya.**

**Apabila Akta ini dikuat kuasakan sepenuhnya, mengikut Klausula 17, semua Persatuan Veteran dikehendaki dalam masa tiga bulan mendaftar semula dengan JHEV. Semua Persatuan Veteran yang berdaftar dibawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) akan berada dibawah seliaan JHEV. Status Persatuan tidak dibubarkan tetapi terhenti sehingga pendaftaran dengan JHEV diterima.**